



GARIS PANDUAN OPERASI BIL. 3 TAHUN 2020
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PENGENAAN PENALTI DI BAWAH
SUBSEKSYEN 112(3) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967,
SUBSEKSYEN 51(3) AKTA PETROLEUM
(CUKAI PENDAPATAN) 1967 DAN SUBSEKSYEN 29(3)
AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

1. TUJUAN

Garis panduan ini menerangkan mengenai pengenaan penalti ke atas pembayar cukai yang lewat atau gagal mengemukakan borang nyata dalam tempoh yang ditetapkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967), Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (APCP 1967) dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (ACKHT 1976).

2. TARIKH AKHIR PENGEMUKAAN BORANG NYATA

2.1. BORANG NYATA DI BAWAH ACP 1967

2.1.1. Di bawah seksyen 77 ACP 1967, tarikh akhir pengemukaan borang nyata bagi kategori pembayar cukai **SELAIN** syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi adalah seperti berikut:

Kategori Pembayar Cukai	Jenis Borang	Tarikh Akhir Pengemukaan
Individu Pemastautin (Tidak Menjalankan Perniagaan)	BE	Tidak Menjalankan Perniagaan: 30 April dalam tahun berikutnya selepas tahun taksiran berkenaan
Individu Pemastautin (Menjalankan Perniagaan)	B	
Individu Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan / Berkepakaran)	BT	
Individu Bukan Pemastautin	M	
Individu Bukan Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan)	MT	Menjalankan Perniagaan: 30 Jun dalam tahun berikutnya selepas tahun taksiran berkenaan
Harta Pusaka	TP	
Pertubuhan	TF	
Keluarga Sekutu Hindu	TJ	

2.1.2. Di bawah seksyen 77A ACP 1967, tarikh akhir pengemukaan borang nyata bagi kategori pembayar cukai syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi adalah seperti berikut:

Kategori Pembayar Cukai	Jenis Borang	Tarikh Akhir Pengemukaan
Syarikat	C	Dalam tempoh tujuh (7) bulan dari tarikh akhir penutupan tempoh perakaunan yang menjadi tempoh asas bagi tahun taksiran berkenaan
Perkongsian Liabiliti Terhad	PT	
Badan Amanah	TA	
Unit Amanah / Amanah Harta Tanah	TC	
Amanah Pelaburan Harta Tanah / Tabung Amanah Harta	TR	
Amanah Perniagaan	TN	
Koperasi	C1	

2.2. BORANG NYATA DI BAWAH APCP 1967

Mengikut peruntukan seksyen 30 dan 30A APCP 1967, tarikh akhir pengemukaan borang nyata bagi kategori pembayar cukai syarikat hulu petroleum adalah seperti berikut:

Kategori Pembayar Cukai	Jenis Borang	Tarikh Akhir Pengemukaan
Orang Yang Boleh Dikenakan Cukai di Peringkat Eksplorasi	CPE	Dalam tempoh tujuh (7) bulan dari tarikh akhir tempoh eksplorasi
Orang Yang Boleh Dikenakan Cukai di Peringkat Produksi	CPP	Dalam tempoh tujuh (7) bulan dari tarikh akhir tempoh asas bagi tahun taksiran berkenaan

2.3. BORANG NYATA DI BAWAH ACKHT 1976

Mengikut peruntukan seksyen 13 ACKHT 1976, setiap orang yang melupuskan sesuatu aset yang boleh dikenakan cukai dan setiap orang yang memperoleh aset yang dilupuskan tersebut hendaklah mengemukakan borang nyata seperti berikut:

Kategori	Jenis Borang	Tarikh Akhir Pengemukaan
Pelupusan Harta Tanah	CKHT 1A	Dalam tempoh 60 hari selepas tarikh pelupusan aset tersebut
Pelupusan Saham Dalam Syarikat Harta Tanah	CKHT 1B	
Pemerolehan Harta Tanah atau Saham Dalam Syarikat Harta Tanah	CKHT 2A	

3. KADAR PENALTI LEWAT MENGEMUKAKAN BORANG NYATA

3.1. PENALTI DI BAWAH SUBSEKSYEN 112(3) ACP 1967

3.1.1. Kadar penalti yang dikenakan adalah berdasarkan tempoh kelewatan untuk mengemukakan borang nyata selepas tarikh akhir pengemukaan seperti berikut:

Tempoh Lewat	Kadar Penalti (%)
Sehingga 12 bulan	15
Melebihi 12 bulan hingga 24 bulan	30
Melebihi 24 bulan	45

3.1.2. Tempoh kelewatan akan diambil kira dari tarikh akhir pengemukaan sekiranya borang nyata gagal dikemukakan dalam tempoh tambahan masa yang dibenarkan.

3.1.3. Mulai Tahun Taksiran 2019, sekiranya syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi lewat atau gagal memaklumkan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) mengenai pertukaran tempoh perakaunan mengikut peruntukan subseksyen 21A(3A) ACP 1967, maka apa-apa **penalti yang dikenakan di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967 adalah dikekalkan** walaupun borang nyata diterima dalam tempoh masa yang ditetapkan berdasarkan tempoh perakaunan yang baharu.

3.2. PENALTI DI BAWAH SUBSEKSYEN 51(3) APCP 1967

3.2.1. Kadar penalti yang dikenakan adalah berdasarkan tempoh kelewatan untuk mengemukakan borang nyata selepas tarikh akhir pengemukaan seperti berikut:

Tempoh Lewat	Kadar Penalti (%)
Sehingga 12 bulan	15
Melebihi 12 bulan hingga 24 bulan	30
Melebihi 24 bulan	45

3.2.2. Tempoh kelewatan akan diambil kira dari tarikh akhir pengemukaan sekiranya borang nyata gagal dikemukakan dalam tempoh tambahan masa yang dibenarkan.

3.3. PENALTI DI BAWAH SUBSEKSYEN 29(3) ACKHT 1976

Kadar penalti yang dikenakan adalah berdasarkan tempoh kelewatan untuk mengemukakan borang nyata selepas tarikh akhir pengemukaan seperti berikut:

Tempoh Lewat	Kadar Penalti (%)
Sehingga 12 bulan	15
Melebihi 12 bulan hingga 24 bulan	20
Melebihi 24 bulan	25

4. KADAR PENALTI BAGI KEGAGALAN MENGEMUKAKAN BORANG NYATA

4.1. PENALTI DI BAWAH SUBSEKSYEN 112(3) ACP 1967, 51(3) ACP 1967 & 29(3) ACKHT 1976

Sekiranya pembayar cukai gagal mengemukakan borang nyata mengikut tempoh yang ditetapkan, taksiran anggaran boleh dibangkitkan berserta penalti atas kegagalan mengemukakan borang nyata.

4.2. PENALTI TAMBAHAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 112(4) ACP 1967, 51(4) ACP 1967 & 29(5) ACKHT 1976

Bagi kes borang nyata diterima lewat dan pendapatan bercukai yang dilaporkan melebihi pendapatan bercukai dalam taksiran anggaran yang telah dibangkitkan, penalti tambahan atas perbezaan amaun cukai yang dilaporkan berbanding cukai yang dibangkitkan dalam taksiran anggaran boleh dikenakan ke atas pembayar cukai.

4.3. Kadar penalti yang dikenakan bagi taksiran anggaran dan kadar penalti tambahan adalah seperti berikut:

Akta Berkaitan	Peruntukan Terlibat Bagi Taksiran Anggaran	Seksyen Pengenaan Penalti	Seksyen Berkaitan Penalti Tambahan	Kadar Penalti
ACP 1967	Subseksyen 90(3)	Subseksyen 112(3)	Subseksyen 112(4)	45%
APCP 1967	Subseksyen 51(3)	Subseksyen 51(3)	Subseksyen 51(4)	45%
ACKHT 1976	Subseksyen 29(3)	Subseksyen 29(3)	Subseksyen 29(5)	25%